

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL.4/2001

PINDAAN KAEDAH-KAEDAH TANAH KELANTAN 1966 PEMBERIMILIKAN TANAH STRATUM DAN PENGENALAN HASIL SERTA PREMIUM

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam persidangannya kali ke 1/2000 pada 19hb. Januari 2000 dalam menimbangkan Kertas Bil.1/9/2000(10) telah bersetuju membuat pindaan kepada Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966, sebagaimana **Lampiran A** .

2. Sebelum pindaan ini, tiada peruntukan dalam Kaedah Tanah Kelantan 1966 yang membolehkan tanah dibawah paras bumi (stratum) dilupuskan.
3. Sebelum pindaan ini, pemilik-pemilik tanah boleh menggunakan tanahnya secara eksklusif sedalam mana yang dikehendaki secara munasabahnyanya sebagaimana peruntukan Sek.44 KTN 1965.
4. Pindaan ini dibuat selaras dengan peruntukan mengenai pemberianmilik tanah dibawah tanah 'stratum' yang terkandung didalam Bahagian Lima (A) Kanun Tanah Negara 1965 iaitu Seksyen 92A hingga Seksyen 921.

5. Pindaan ini menghadkan :-
- 5.1 Tanah kedalaman tanah permukaan bagi tanah kerajaan (State Land) dan tanah rizab (Reserved Land) adalah tidak melebihi 1 meter dari permukaan.
 - 5.2 Tahap kedalaman tanah permukaan bagi tanah milik adalah tidak melebihi 1.5 meter dari permukaan.
 - 5.3 Pihak Berkuasa Negeri boleh menentukan tahap kedalaman yang lain bagi permukaan yang hendak digunakan bagi semata-mata untuk kestabilan struktur tanah permukaan seperti untuk dijadikan '*basement floor*' atau untuk ditanam palam cerucuk.
 - 5.4 Bagi tanah bawah rizab hutan (Forest Reserved), kawasan permukaan yang terlibat dengan cadangan pelupusan tanah bawah tanah hendaklah dibebaskan daripada rizab hutan terlebih dahulu. Apabila selesai proses pelupusan tanah bawah tanah berkenaan, kawasan rizab hutan yang telah dibebaskan itu hendaklah diwartakan semula sebagai rizab hutan.
6. Pindaan ini juga tertakluk kepada Perintah Kanun Tanah Negara (Ubahsuai) 1997 seperti **Lampiran B**.
7. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 01/01/1997.

t.t
(Abdul Halim bin Hj. Ahmad)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA :

YABrs. Semua Pentadbir Tanah
Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YBM. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha , Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Kerajaan Tempatan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU**